

R B358 BAH
PM - DUIT

1985

KUALA PILAH, 7 JULAI (BERNAMA) -- PARA ANGGOTA UMNO HENDAKLAH MERENUNG SEMULA SEMANGAT PERJUANGAN PARTI BAGI MEMASTIKAN IA TIDAK DIKUASAI OLEH POLITIK DUITAN, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD.

PRESIDEN UMNO ITU BERKATA, UNSUR-UNSUR NEGATIF MUNGKIN TELAH TIMBUL SETELAH SEKIAN LAMA UMNO BERGERAK.

+DENGAN ITU, MASANYA TELAH TIBA BAGI KITA MERENUNG SEMULA DENGAN BERSUNGGUH-SUNGGUH SAMA ADA SEMANGAT MEMPERJUANGKAN BANGSA, AGAMA DAN NEGARA MASIH MEMPENGARUHI FIKIRAN KITA ATAU IA DITENGGELAMI OLEH POLITIK DUITAN, KEPENTINGAN DAN KEDUDUKAN,+ KATANYA.

UNSUR-UNSUR NEGATIF ITU BELUM LEWAT UNTUK DIATASI SEKIRANYA IA BARU MENULAR, KATANYA DALAM PERUTUSAN BUKU CENDERMATA SEMPENA MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN KUALA PILAH DI SINI HARI INI.

SEMANGAT MEMPERJUANGKAN BANGSA, AGAMA DAN NEGARA PERLU MENJADI AMALAN UTAMA PARA ANGGOTA UMNO KERANA SIFAT-SIFAT SEPerti TAMAK HALOBA DAN MEMENTINGKAN DIRI SENDIRI AKAN MEMBAWA UMNO KEPADA KEMUNDURAN, TAMBAHNYA.

DALAM PERUTUSANNYA, MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN, DATUK MOHAMED ISA DATUK HAJI ABDUL SAMAD BERHARAP PARA ANGGOTA UMNO AKAN MEMPERTINGKATKAN PERJUANGAN MEMBELA NASIB RAKYAT.

BELIAU YANG JUGA Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri mahu supaya usaha-usaha mempertingkatkan taraf sosio-ekonomi dan perpaduan rakyat terus dipupuk. -- BERNAMA/KB

0947MST 07 07 85